

**PEMPROFILAN PERTUTURAN
BAHASA MELAYU
KANAK-KANAK AUTISTIK**

Oleh

NORFISHAH BT MAT RABI

**UNIVERSITI SAINS MALAYSIA
2009**

**PEMPROFILAN PERTUTURAN
BAHASA MELAYU
KANAK-KANAK AUTISTIK**

Oleh

NORFISHAH BT MAT RABI

Tesis yang diserahkan untuk memenuhi
keperluan Ijazah Doktor Falsafah
Tahun 2009

PENGHARGAAN

Syukur kepada Ilahi kerana dengan limpah kurniaNya, saya berjaya menyiapkan tesis ini dalam tempoh masa yang dibenarkan. Sebagai pelajar sepenuh masa selama tiga tahun, saya menggunakan masa dengan penuh hemat dan bermakna bagi memastikan matlamat dan cita-cita saya terkabul. Penghargaan dan ucapan terima kasih saya tujukan khas kepada individu dan pihak tertentu kerana memberi sokongan dan sumbangan ikhlas kepada saya sepanjang tempoh pengajian saya.

Jutaan terima kasih saya hулurkan kepada Bahagian Biasiswa, Kementerian Pelajaran Malaysia kerana menawarkan hadiah biasiswa dan cuti belajar sepenuh masa selama tiga tahun. Saya amat bersyukur kerana dapat menyiapkan tesis ini dalam tempoh masa yang diberikan. Terima kasih juga kepada pihak Universiti Sains Malaysia khususnya Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan kerana menerima saya sebagai pelajar sepenuh masa bidang Pendidikan Khas dan Pelbagai Keperluan.

Ucapan terima kasih saya hулurkan kepada kedua-dua penyelia saya iaitu, Prof. Madya Dr. Hairul Nizam bin Ismail dan penyelia bersama Prof. Madya Dr. Ishak bin Ramly di atas tunjuk ajar dan bimbingan yang diberikan selama saya berjuang menyiapkan tesis ini. Tidak lupa kepada bekas penyelia saya, Datuk Prof. Dr. Aminah bt Ayob yang saya sanjungi kerana beliau banyak memberi panduan dan semangat untuk saya memulakan langkah sebagai pelajar peringkat kedoktoran. Tidak dilupakan ucapan terima kasih ditujukan kepada Dekan, Prof. Dr. Abdul Rashid bin Mohamed, pensyarah-pensyarah, dan kakitangan Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan, jasa kalian tidak akan saya lupakan dan mudah-mudahan Tuhan saja yang dapat membalasnya.

Kepada guru-guru di sekolah yang terlibat dalam kajian ini, jutaan terima kasih saya hулurkan kerana dengan kerjasama dan bantuan kalian saya dapat menyiapkan tesis ini pada masa yang ditetapkan. Buat murid-murid yang dikasihi, saya doakan anda semua memperolehi kejayaan dalam pelajaran. Budi baik kalian akan saya kenang buat selama-lamanya. Tidak dilupakan ucapan terima kasih saya tujukan kepada rakan-rakan saya di NASOM (Persatuan Kebangsaan Autistik Malaysia) yang turut membantu saya menyiapkan kajian dan tesis saya ini terutama tenaga pengajar di NASOM Butterworth dan Psikologis di NASOM Kuala Lumpur.

Akhir sekali buat keluarga yang dikasihi, sokongan dan kasih sayang yang kalian berikan telah memberi inspirasi yang tidak ternilai kepada saya. Buat ayahanda yang dikasihi, pesanan dan nasihatmu tidak pernah kulupakan dan menjadi obor membakar semangatku untuk mencapai kejayaan ini. Semoga roh ayahanda dicucuri rahmat dan ditempatkan dalam kalangan orang-orang beriman dan bertaqwa. Amin.

Terima kasih.

SENARAI KANDUNGAN

	Muka Surat
PENGHARGAAN	ii
SENARAI KANDUNGAN	iii
SENARAI LAMPIRAN	ix
SENARAI JADUAL	xi
SENARAI RAJAH	xii
SENARAI GRAF	xiii
SENARAI GAMBAR	xiv
ABSTRAK	xvi
ABSTRACT	xviii
BAB 1 – PENGENALAN	
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	4
1.3 Pernyataan Masalah	10
1.4 Objektif Kajian	13
1.5 Soalan Kajian	14
1.6 Rasional Kajian	15
1.7 Kepentingan Kajian	17
1.8 Batasan Kajian	19
1.9 Kerangka Teori Kajian	21
1.10 Definisi Operasional	23
1.11 Kesimpulan	29

BAB 2 – SOROTAN LITERATUR	Muka Surat	
2.1	Pendahuluan	29
2.2	Latar Belakang Kanak-kanak Autistik	29
2.2.1	Definisi Autisme	30
2.2.2	Sifat Lazim Autisme	35
2.2.2.1	Bahasa dan Komunikasi	36
2.2.2.2	Interaksi Sosial	38
2.2.2.3	Tingkah Laku	40
2.2.2.4	Tahap Kecerdasan	41
2.2.2.5	Tahap Autisme	42
2.2.2.6	Punca Autisme	45
2.3	Bahasa dan Pertuturan	49
2.3.1	Kebolehan Pertuturan Kanak-kanak Autistik	53
2.3.1.1	Pemprofilan Ciri Pertuturan	59
2.3.1.2	Rangsangan Pertuturan	61
2.3.1.3	Fungsi Pertuturan	62
2.3.1.4	Penghasilan Pertuturan	64
2.3.1.5	Pemahaman Pertuturan	69
2.3.1.6	Pengetahuan Konsep	72
2.3.2	Pendidikan Kanak-kanak Autistik di Malaysia	75
2.3.2.1	Penempatan Kanak-kanak Autistik dalam Program PKBP	76
2.3.2.2	Objektif Kurikulum PKBP	80
2.3.2.3	Pembelajaran Kemahiran Bertutur Kanak-kanak Autistik	86

2.4	Perspektif Teori Pembelajaran dalam Pertuturan Kanak-kanak Autistik	89
2.4.1	Perspektif Teori Tatabahasa Transformasi Generatif	89
2.4.2	Perspektif Teori Sosial Kognitif	92
2.4.3	Perspektif Teori Behavioris	96
2.4.4	Rumusan	98
2.5	Kajian-kajian Berkaitan	98
2.5.1	Kaitan Sifat Lazim Autisme dengan Pertuturan	99
2.5.2	Ciri Bahasa dan Pertuturan kanak-kanak Autistik	105
2.5.3	Faktor yang Mempengaruhi Pertuturan Kanak-kanak Autistik	115
2.6	Huraian Kerangka Teori Kajian	121
2.7	Kesimpulan	130
BAB 3 – METODOLOGI		
3.1	Pendahuluan	131
3.2	Reka Bentuk Kajian	131
3.3	Prosedur Kajian	132
3.3.1	Peringkat Awal Kajian	133
3.3.2	Peringkat Pengutipan Data	137
3.3.3	Peringkat Analisis Data Kajian	146
3.4	Kesahan dan Kebolehpercayaan	150
3.5	Kajian Rintis	152
3.5.1	Dapatan Kajian Rintis	156
3.5.2	Perbincangan Kajian Rintis	160

	Muka Surat
3.6 Kesimpulan	164
BAB 4 – DAPATAN DAN INTERPRETASI DATA	
4.1 Pendahuluan	165
4.2 Dapatan Kajian	166
4.2.1 Soalan Kajian Pertama: Pengaruh Sifat Lazim Autisme Terhadap Pertuturan	169
4.2.1.1 Laporan Pakar Perubatan	170
4.2.1.2 Laporan Ibu Bapa	175
4.2.1.3 Laporan Guru-guru Program PKBP	184
4.2.1.4 Laporan Senarai Semak	191
4.2.1.5 Rumusan	228
4.2.2 Soalan Kajian Kedua: Ciri Pertuturan	229
4.2.2.1 Sebutan Perkataan	231
4.2.2.2 Daftar Kata Bahasa Melayu	239
4.2.2.3 Kekerapan Bertutur dan Bilangan Perkataan dalam Pertuturan	246
4.2.2.4 Penggunaan Kata Tepat Mengikut Konteks dan Situasi	249
4.2.2.5 Gaya Pertuturan	254
4.2.2.6 Rumusan	263
4.2.3 Soalan Kajian Ketiga: Faktor Pembelajaran dalam Pertuturan	263
4.2.3.1 Mata Pelajaran	264
4.2.3.2 Rangsangan dalam Pertuturan	265
4.2.3.3 Fungsi Pertuturan	279

	Muka Surat
4.2.3.4 Tahap Pemahaman Pertuturan	284
4.2.3.5 Tahap Penghasilan Pertuturan	297
4.2.3.6 Tahap Pengetahuan Konsep	315
4.2.3.7 Rumusan	326
4.3 Kesimpulan	327
BAB 5 – PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN	
5.1 Pendahuluan	338
5.2 Ringkasan Kajian	338
5.3 Perbincangan	340
5.3.1 Pengaruh Sifat Lazim Autisme terhadap Pertuturan	340
5.3.1.1 Bahasa dan Komunikasi	340
5.3.1.2 Interaksi Sosial	343
5.3.1.3 Tingkah Laku	347
5.3.1.4 Rumusan	350
5.3.2 Ciri Pertuturan	354
5.3.2.1 Sebutan Perkataan	357
5.3.2.2 Daftar Kata Bahasa Melayu	360
5.3.2.3 Kekerapan Bertutur dan Bilangan Perkataan	362
5.3.2.4 Penggunaan Kata Tepat dan Sesuai Mengikut Konteks dan Situasi	366
5.3.2.5 Gaya Pertuturan	368
5.3.3 Pengaruh Faktor Pembelajaran dalam Pertuturan	371
5.3.3.1 Mata Pelajaran	371
5.3.3.2 Rangsangan dalam Pertuturan	373

	Muka Surat
5.3.3.3 Fungsi Pertuturan	365
5.3.3.4 Tahap Pemahaman Pertuturan	377
5.3.3.5 Tahap Penghasilan Pertuturan	382
5.3.3.6 Tahap Pengetahuan Konsep	385
5.4 Implikasi Kajian	390
5.5 Cadangan Penyelidikan Lanjutan	393
5.6 Kesimpulan	395
BIBLIOGRAFI	398

SENARAI LAMPIRAN	Muka Surat
1a. Borang Rekod Senarai Semak Tingkah Laku Autisme (terjemahan bahasa Melayu)	400
1b. Autism Behavior Checklist (ABC)	403
1c. Dapatan Senarai Semak Tingkah Laku Autisme	406
1d. Senarai Semak Interaksi Sosial	411
1e. Senarai Semak Bahasa dan Komunikasi	411
1f. Senarai Semak Tingkah Laku	412
2a. Sifat-sifat Lazim Subjek Adam Menurut Pemerhatian Guru-guru	413
2b. Sifat-sifat Lazim Subjek Taq Menurut Pemerhatian Guru-guru	414
2c. Sifat-sifat Lazim Subjek Jay Menurut Pemerhatian Guru-guru	415
3a. Soalan Ujian Kebolehan Psikolinguistik	416
3b. Keputusan Ujian Kebolehan Psikolinguistik	417
4a. Sukatan Pelajaran Pengurusan Diri PKBP	420
4b. Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu PKBP	421
4c. Sukatan Pelajaran Pendidikan Islam PKBP	422
4d. Sukatan Pelajaran Pendidikan Moral PKBP	422
4e. Sukatan Pelajaran Pendidikan Seni PKBP	423
5a. Pelan Tindakan Kajian	424
6a. Jadual Waktu Pemerhatian dan Temu Bual	425
7a. Soalan Temu Bual Subjek	426
7b. Soalan Temu Bual Ibu Bapa	427
7c. Soalan Temu Bual Guru	427

	Muka Surat
8a. Senarai Perkataan yang Menepati Daftar Kata Bahasa Melayu	426
8b. Senarai Perkataan yang Tidak Menepati Daftar Kata Bahasa Melayu	432
9a. Label Koding	434
9b. Contoh Koding Data Pemerhatian	435

SENARAI JADUAL		Muka Surat
Jadual 2.1.	Julat Penskoran	82
Jadual 3.1.	Kekerapan Pemerhatian	138
Jadual 3.2.	Orientasi Rakaman Video	140
Jadual 3.3.	Kekerapan Temu bual	142
Jadual 3.4.	Kaedah Kutipan Data	145
Jadual 3.5	Latar Belakang Individu dalam Kesahan Item Senarai Semak	150
Jadual 3.6	Proses Kesahan Borang Senarai Semak Interaksi Sosial, Bahasa dan Komunikasi, dan Tingkah laku	151
Jadual 3.7	Kebolehpercayaan Data	152
Jadual 3.8	Perbandingan Kajian Rintis dengan Kajian Whitehouse, Maybery, dan Durkin (2007)	155
Jadual 3.9	Analisis Pencapaian dalam Skop Perbendaharaan Kata	156
Jadual 3.10	Kesalahan Fonologikal	158
Jadual 3.11	Kesalahan Ejaan	159
Jadual 3.12	Kesalahan Pengecaman	160
Jadual 4.1	Kekerapan Kutipan Data	165
Jadual 4.2	Dapatan Senarai Semak Borang Rekod Tingkah Laku Autisme	165
Jadual 4.3	Profil Sifat Lazim Autisme Subjek	328
Jadual 4.4	Profil Ciri Pertuturan Subjek	334
Jadual 4.5	Profil Faktor Pembelajaran	336

SENARAI RAJAH		Muka Surat
Rajah 1.1	Kerangka Teori Kajian	23
Rajah 2.1	Kerangka Teori Kajian	124

SENARAI GRAF		Muka Surat
Graf 4.1	Tingkah Laku Autisme Subjek	194
Graf 4.2	Perkataan dalam Daftar Kata Bahasa Melayu	239
Graf 4.3	Kekerapan Bertutur dan Bilangan Perkataan	247
Graf 4.4	Kekerapan Bertutur Berdasarkan Mata Pelajaran	264

SENARAI GAMBAR	Muka Surat
Gambar 4.1 Lukisan Subjek A	252
Gambar 4.2 Subjek A Sedang Melukis	252
Gambar 4.3 Mengecam Alat Tulis	256
Gambar 4.4 Mengecam Peralatan Bilik Darjah	256
Gambar 4.5 Memadan Binatang dan Bunyi Suara	273
Gambar 4.6 Mengecam Huruf Hamzah	277
Gambar 4.7 Menamakan Perkakas Dapur	290
Gambar 4.8 Tampalan Kertas Kertas pada Bulatan	296
Gambar 4.9 Tampalan Kertas pada Bentuk Baju	296
Gambar 4.10 Mengecam Huruf	300
Gambar 4.11 Memadankan Benda dengan Anggota Tubuh	302
Gambar 4.12 Memadan Benda dengan Bunyi	304
Gambar 4.13 Menamakan Buah-buahan	305
Gambar 4.14 Membezakan Perkakas Dapur	309
Gambar 4.15 Menamakan Sayur-sayuran	313
Gambar 4.16 Mengecam Perkakas Dapur	317
Gambar 4.17 Menamakan Perkakas Dapur	317
Gambar 4.18 Membezakan Perkakas Dapur	317
Gambar 4.19 Mengecam Perkakas Dapur	319
Gambar 4.20 Membezakan Perkakas Dapur	319
Gambar 4.21 Memadankan Anggota Tubuh dengan Perbuatan	320
Gambar 4.22 Menamakan Anggota Keluarga	322
Gambar 4.23 Mengecam Alat Tulis	323

	Muka Surat
Gambar 4.24 Membezakan Alat Tulis dengan Peralatan Bilik Darjah	323
Gambar 4.25 Menamakan Sayur-sayuran	325
Gambar 4.26 Menamakan Buah-buahan	325

PEMPROFILAN PERTUTURAN BAHASA MELAYU KANAK-KANAK AUTISTIK

ABSTRAK

Masalah pertuturan kanak-kanak autistik mempunyai kaitan dengan sifat lazim autisme dalam konteks kesukaran berkomunikasi, berinteraksi sosial, dan tingkah laku. Sifat lazim autisme dapat mempengaruhi kebolehan pertuturan kanak-kanak autistik dalam proses pembelajaran di dalam bilik darjah. Bagi memprofilkan pertuturan bahasa Melayu kanak-kanak autistik dalam konteks pembelajaran, kajian kes kualitatif ini dijalankan selama sepuluh minggu melibatkan enam subjek yang berusia antara tujuh hingga lapan tahun. Subjek ditempatkan di bawah program Pendidikan Khas Bermasalah Pembelajaran, menggunakan kurikulum khas yang disediakan oleh Jabatan Pendidikan Khas, Kementerian Pelajaran Malaysia. Data dikutip melalui pemerhatian, temu bual, dan analisis dokumen rasmi yang dijalankan dalam dua peringkat, iaitu pada peringkat pertama melibatkan enam subjek dan peringkat kedua melibatkan tiga subjek. Dapatan kajian menunjukkan pertuturan subjek berbeza-beza bergantung kepada sifat lazim autisme, ciri pertuturan, dan faktor pembelajaran. Sifat lazim autisme dalam konteks komunikasi, interaksi sosial, dan tingkah laku didapati mempengaruhi pertuturan subjek. Ciri pertuturan subjek melibatkan aspek sebutan, daftar kata, kekerapan bertutur, penggunaan kata dalam pertuturan, dan gaya pertuturan. Pertuturan subjek di dalam proses pembelajaran pula bergantung kepada faktor mata pelajaran, rangsangan pertuturan, fungsi pertuturan, penghasilan pertuturan, pemahaman pertuturan, dan tahap pengetahuan konsep. Kajian memprofilkan pertuturan bahasa Melayu kanak-kanak autistik merupakan usaha dan

inovasi baru kepada bidang autisme di Malaysia. Penemuan kajian ini boleh meningkatkan pengetahuan dan kefahaman tentang profil pertuturan kanak-kanak autistik yang dikenal pasti mengalami kesukaran berkomunikasi, berinteraksi sosial, dan bermasalah tingkah laku. Dapatan tentang ciri pertuturan dan faktor pembelajaran boleh memberi panduan oleh guru atau pengajar pertuturan untuk merancang strategi pengajaran dan pembelajaran yang menepati keperluan kanak-kanak autistik. Dalam bidang bahasa Melayu, pengajaran di dalam bilik darjah harus memberi tumpuan kepada aspek sebutan, makna, binaan ayat, dan penggunaan bahasa dalam pertuturan. Kajian ini diharapkan dapat memberi panduan kepada penyelidik akan datang untuk menjalankan pelbagai kajian yang berkaitan kanak-kanak autistik dengan lebih terperinci.

PROFILING SPEECH IN MALAY LANGUAGE AMONG AUTISTIC CHILDREN

ABSTRACT

Speech problem among autistic children is related to the common attributes or characteristics of autism in the context of difficulties in communication, social interaction, and behavior. Autism's common characteristics may affect the speech ability of the autistic children within the learning process in the classroom. To profile the speech of autistic children in the Malay language within the context of learning process, this qualitative case study was carried out in ten weeks time, involving six subjects with the age range between seven to eight year old. Subjects were placed in a Special Education Learning Difficulties programme, using special curriculum prepared by Special Education Department, Ministry of Education Malaysia. The data was collected through methods of observation, interview, and analysis of official documents, involving six subjects in stage one and three subjects in stage two. Research findings showed that speech profiles among the subjects were different depending on the autistic characteristics, speech characteristics, and learning factors. The subjects showed that their ability to speak depends on the characteristics of autism related to aspects of communication, social interaction, and behavior. The subjects' speech characteristics involves aspects of pronunciation, vocabulary, frequency of speech, word uses, and speech style. The factors that influenced learning process in the classroom were subject matters, language function, speech stimulation, speech production, speech understanding, and level of conceptual knowledge. This study of profiling speech of Malay language among autistic children is a new endeavor in the field of autism in Malaysia. This research's findings would enhance

knowledge and understanding about speech abilities among autistic children, whom were identified to face difficulties in communication, social interaction, and behavior. The findings on speech characteristics and learning factors would also guide the teachers and language practitioner, in planning instructional and learning strategies to suite the autistic learners' needs. In the context of Malay language, classroom teaching should emphasis on several language aspects such as phonology, semantic, syntax, and pragmatic. It is hoped that the findings of this study could provide some directions and guidance for future researchers to carry out many detailed studies which relates to autistic children's area.

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Kanak-kanak autistik menghadapi masalah kesukaran bertutur terutama ketika proses pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah. Kesukaran pertuturan kanak-kanak autistik lazimnya berlaku dalam konteks menyatakan keperluan dan keinginan, memberi maklumat, menjawab soalan, menyoal, memberi pendapat, dan menyelesaikan masalah. Berlatarbelakangkan kecelaruan perkembangan dalam aspek bahasa dan komunikasi, interaksi sosial, dan tingkah laku, kanak-kanak autistik mempunyai pelbagai ciri pertuturan yang boleh diprofilkan dengan terperinci. Hal ini termasuklah penggunaan bahasa secara lisan dalam proses pembelajaran, iaitu semasa kanak-kanak autistik berkomunikasi dengan guru atau rakan sebaya di dalam bilik darjah. Pemprofilan pertuturan perlu dilakukan untuk mendapatkan huraian yang jelas tentang kebolehan penggunaan bahasa Melayu kanak-kanak autistik yang merupakan bahasa pengantar dalam kurikulum khas program Pendidikan Khas Bermasalah Pembelajaran (PKBP).

Kanak-kanak autistik yang mengalami kecelaruan perkembangan lazimnya menghadapi masalah pertuturan dan pembelajaran. Bermasalah pembelajaran berlaku akibat defisit neuropsikologikal yang menyebabkan ketidakseimbangan perkembangan bahasa, kognitif, ingatan, pembelajaran, perhatian, fungsi sosial, emosi, dan tingkah laku (Bejerot, 2007; Butler & Silliman, 2002; Chiang, 2008; Mayers & Calhoun, 2003; Neuropsychological Central, 2005; Preissler, 2008; Smith,

Finn, & Dowdy, 1993; Wikipedia, 2007). Defisit neuropsikologikal mempunyai kaitan dengan perkembangan yang tidak seimbang antara umur kronologikal dan umur mental. Hal ini dibuktikan dalam kajian Cellani (2002), iaitu kanak-kanak autistik yang berusia 11.5 tahun mempunyai umur mental kanak-kanak normal yang berusia enam tahun. Ciri masalah pembelajaran adalah selari dengan sifat lazim autisme yang diperlihatkan melalui kesukaran bahasa dan komunikasi, interaksi sosial, dan tingkah laku (Baldwin & Vialle, 1999; Bejerot, 2007; Butler & Silliman, 2002; Hult & Howard, 1997; Mayers & Calhoun, 2003; O'Brien & Pearson, 2004).

Bagi meningkatkan kebolehan pertuturan, kanak-kanak autistik perlu mendapatkan pendidikan formal di institusi yang disediakan oleh pihak kerajaan atau swasta. Pendidikan formal menyediakan proses pengajaran dan pembelajaran yang lebih sistematik berdasarkan kurikulum khas, sukatan pelajaran yang memenuhi keperluan kanak-kanak autistik, guru yang terlatih dalam bidang masalah pembelajaran, dan persekitaran yang kondusif. Dalam konteks bahasa dan pertuturan, pendidikan formal membolehkan kanak-kanak autistik mempelajari peraturan bahasa dan menggunakan bahasa dengan bermakna bukan sekadar menghafal atau meniru (Awang Sariyan, 2005). Di Malaysia, program Pendidikan Khas Bermasalah Pembelajaran (PKBP) digubal untuk kanak-kanak bermasalah pembelajaran mendapatkan pendidikan formal. Selain program Pendidikan Khas Bermasalah Pembelajaran (PKBP) yang ditubuhkan oleh Jabatan Pendidikan Khas, Kementerian Pelajaran Malaysia, program Pemulihan Dalam Komuniti (PDK) yang ditadbir oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat, dan agensi swasta seperti Persatuan Kebangsaan Autisme Malaysia (*National Autism Society of Malaysia/NASOM*) yang dikawal selia melalui Pertubuhan Bukan Kerajaan (*NonGovernment Organization/NGO*) juga ditubuhkan.

Pendidikan formal melalui program PKBP menempatkan kanak-kanak autistik bersama-sama dengan kanak-kanak bermasalah pembelajaran pelbagai kategori, iaitu sindrom down, hiperaktif, dan terencat akal minimum (Jabatan Pendidikan Khas, 2006). Menurut kajian yang dijalankan oleh O'Brien dan Pearson (2004), 75 peratus kanak-kanak autistik adalah bermasalah pembelajaran. Bermasalah pembelajaran merujuk kepada kanak-kanak yang mengalami defisit dalam bahasa ekspresif (menulis, bertutur, dan mengeja), bahasa reseptif (mendengar dan membaca), memproses bahasa (berfikir, memahami, dan menyatukan konsep), atau defisit dalam matematik. Program PKBP memberi peluang kepada kanak-kanak autistik yang bermasalah pembelajaran berkongsi persekitaran fizikal dengan kanak-kanak normal tetapi bukannya perkongsian pembelajaran di dalam bilik darjah. Perkongsian persekitaran fizikal dan sosial boleh memberi pengalaman minda, emosi, jasmani, rohani, dan bahasa yang berguna kepada kanak-kanak autistik. Sebaliknya, perkongsian pembelajaran sukar dilakukan kerana kanak-kanak autistik di dalam program PKBP menggunakan kurikulum khas yang selaras dengan keperluan kanak-kanak bermasalah pembelajaran.

Berdasarkan penggunaan kurikulum khas PKBP, profil pertuturan kanak-kanak autistik dalam pendidikan formal mungkin dapat dipetakan secara terperinci. Sejalan dengan matlamat kurikulum PKBP untuk mencapai objektif memperkembangkan kemahiran berbahasa, sewajarnya pemprofilan pertuturan kanak-kanak autistik dijalankan secara ilmiah. Maklumat yang dikumpul boleh memberi petunjuk tentang profil pertuturan kanak-kanak autistik dalam pembelajaran dan setakat mana kurikulum sedia ada berjaya mencapai matlamatnya. Profil pertuturan kanak-kanak autistik dalam konteks bahasa ekspresif dan reseptif mungkin memberi maklumat tentang kemahiran menghasilkan pertuturan, memahami bahasa

pertuturan, penulisan, dan berkomunikasi. Kurang kemahiran bahasa ekspresif dan reseptif menyebabkan proses pembelajaran dan pergaulan sosial kanak-kanak autistik terjejas. Kajian pemprofilan pertuturan bahasa Melayu kanak-kanak autistik di dalam pembelajaran perlu dijalankan agar maklumat yang diperoleh dapat membantu pelbagai pihak memahami permasalahan pertuturan kanak-kanak autistik.

1.2 Latar Belakang Kajian

Pertuturan adalah percakapan lisan yang terhasil melalui proses pemikiran, kefahaman, dan persepsi. Pertuturan melibatkan fungsi bahasa ekspresif dan reseptif. Bahasa ekspresif adalah berkaitan penghasilan pertuturan dan penulisan, bahasa reseptif berkaitan pemahaman terhadap pertuturan, dan penulisan. Menurut DSM IV (*Diagnostic and Statistical Manual of Mental Disorders*), ciri autistik adalah bermasalah bahasa ekspresif-reseptif, kesukaran interaksi sosial, dan pola tingkah laku berulang (Barret et al., 2004). Kebanyakan kanak-kanak autistik bermasalah bahasa dan pertuturan, malah kajian lalu membuktikan 50 peratus kanak-kanak autistik tidak boleh bertutur, dan perkembangan pertuturan berlaku lebih lewat daripada kanak-kanak normal (O'Brien & Pearson, 2004; Pry, Petersen, & Baghdadli, 2005). Bertutur adalah kemahiran yang diperoleh secara semula jadi dan kematangan usia akan meningkatkan kemahiran bertutur (Asmah Haji Omar, 1993; Mayers & Calhoun, 2003; Piaget, 1954; Vygotsky, 1962). Kajian Mayers dan Calhoun (2003) membuktikan terdapat hubungan yang signifikan antara usia dengan kebolehan verbal dan nonverbal kanak-kanak autistik.

Pola pertuturan bahasa Melayu kanak-kanak autistik dalam konteks pembelajaran bersandarkan kepada beberapa teori. Pada pandangan teori sosial kognitif oleh Bandura (1977; 1986), pertuturan berkembang melalui interaksi dengan